



MAX STEP-UP¹

(Ini merupakan suatu produk insurans)

Ambil setiap langkah dalam
kehidupan dengan yakin



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad merupakan ahli PIDM.

¹ Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Ambil setiap langkah dalam kehidupan dengan yakin

Setiap fasa dalam kehidupan adalah permulaan suatu perjalanan, setiap satu mempunyai pelbagai kemungkinan dan cabaran baharu. Dalam dunia yang berkembang pesat dan perbelanjaan yang kian meningkat, mungkin sukar untuk mempunyai sumber pendapatan yang dapat menyokong impian serta menjaga keluarga anda.

Biar kami menangani kerisauan anda dengan Max Step-Up, suatu pelan yang direka khas untuk membantu anda mengharungi cabaran dalam kehidupan, agar anda dapat menjalani kehidupan dengan sepenuhnya dan yakin bahawa warisan anda ditinggalkan dengan pihak yang berkebolehan.

Dengan Max Step-Up, anda mempunyai perlindungan sepanjang hayat yang memberikan anda kebebasan dan keyakinan untuk mengejar impian anda. Dengan membayar premium selama 5 tahun, anda dapat menikmati perlindungan yang meningkat sehingga tempoh matang pada umur 100 tahun hari jadi berikut, memastikan anda dilindungi dengan sebaiknya meskipun pada usia emas. Nilai Akaun Polisi Asas anda juga berpotensi untuk meningkat pada setiap tahun, seterusnya menambah warisan anda dan memastikan orang tersayang dilindungi daripada perkara yang tidak dijangka.

Produk ini bukan suatu DEPOSIT BANK atau Akaun Simpanan.

- Max Step-Up ialah pelan insurans hayat yang ditaja jamin oleh Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982/93745-A) ("Syarikat").
- OCBC Bank (Malaysia) Berhad (199401009721/295400-W) ("OCBC Bank") hanyalah pengedar produk ini.

Manfaat sepintas lalu



Tempoh pembayaran premium terhad selama 5 tahun



Peningkatan perlindungan hayat untuk melindungi masa depan anda



Manfaat matang pada akhir tempoh polisi anda



Pendaftaran mudah tanpa pengunderaitan perubatan



Ciri Jaminan Tidak Luput sebagai jaringan keselamatan

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Tempoh pembayaran premium terhad selama 5 tahun

Dengan Max Step-Up, anda mempunyai kelebihan kerana tempoh pembayaran premium terhad selama 5 tahun dan menerima perlindungan sehingga umur 100 tahun hari jadi berikut. Premium yang dibayar akan diagihkan berdasarkan kadar peruntukan berikut bagi membinakekayaan anda:

Tahun Polisi	% daripada Premium Asas yang telah dibayar serta diperuntukkan pada Akaun Polisi Asas
Pertama	65%
ke-2	80%
ke-3	90%
ke-4	93%
ke-5	93%

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Peningkatan perlindungan hayat untuk melindungi masa depan anda

Dengan pelan ini, tahap perlindungan anda akan meningkat sepanjang tahun polisi anda. Oleh itu, sekiranya perkara yang tidak dijangka berlaku kepada anda, Max Step-Up akan memberi perlindungan yang lebih baik untuk melindungi masa depan anda dan orang tersayang.

Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia bukan akibat kemalangan atau mengalami Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD) bukan akibat kemalangan sebelum ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuransikan mencapai umur 70 tahun hari jadi berikut, mana-mana yang lebih tinggi daripada manfaat berikut akan dibayar:

- Pembayaran manfaat dinyatakan seperti di bawah;

Tahun Polisi	Pembayaran Manfaat
Pertama hingga ke-2	100% Premium Asas keseluruhan yang telah dibayar
ke-3 dan seterusnya	Manfaat Kematian Dijamin

atau

- Nilai Akaun Polisi Asas;
ditolak sebarang hutang (jika ada).

Jika hayat yang diasuransikan meninggal dunia akibat kemalangan atau mengalami TPD akibat kemalangan sebelum ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuransikan mencapai umur 70 tahun hari jadi berikut, anda atau orang tersayang akan menerima Manfaat Kematian Dijamin atau Nilai Akaun Polisi Asas, mana-mana yang lebih tinggi, ditolak sebarang hutang (jika ada).

Nota:

- i. *Manfaat Kematian Dijamin adalah peratusan daripada Premium Asas keseluruhan yang telah dibayar dan mungkin berbeza mengikut umur kemasukan hari jadi berikut, Nilai Akaun Polisi Asas dan tahun polisi apabila kematian atau TPD bagi hayat yang diasuranskan berlaku seperti di bawah. Sila ambil perhatian bahawa Syarikat hanya akan membayar balik 100% Premium Asas keseluruhan yang telah dibayar jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia atau mengalami TPD bukan akibat kemalangan yang berlaku dalam tahun polisi pertama dan kedua.*

Tahun Polisi	% daripada Premium Asas		keseluruhan yang telah dibayar	
	Umur Kemasukan Hari Jadi Berikut (17 sehingga 49)		Umur Kemasukan Hari Jadi Berikut (50 sehingga 70)	
	Nilai Akaun Polisi Asas lebih daripada sifar	Nilai Akaun Polisi Asas bersamaan atau kurang daripada sifar	Nilai Akaun Polisi Asas lebih daripada sifar	Nilai Akaun Polisi Asas bersamaan atau kurang daripada sifar
Pertama hingga ke-10	105%	105%	105%	105%
ke-11 hingga ke-16	110%	110%	110%	110%
ke-17 hingga ke-25	120%	120%	120%	120%
ke-26 hingga ke-30	150%	150%	150%	150%
ke-31 hingga ke-35	300%	150%	200%	150%
ke-36 hingga ke-39	300%	150%	300%	150%
ke-40 hingga ke-45	350%	200%	300%	200%
ke-46 hingga ke-50	350%	200%	350%	200%
ke-51 hingga ke-55	400%	300%	-	-
ke-56 hingga ke-65	500%	300%	-	-
ke-66 hingga ke-75	600%	300%	-	-
ke-76 hingga ke-83	700%	400%	-	-

- ii. Premium Asas yang telah dibayar ialah premium modal tetap yang telah dibayar bagi pelan asas, tidak termasuk sebarang premium yang telah dibayar terlebih dahulu.
- iii. Tertakluk pada terma dan syarat.



Manfaat matang pada akhir tempoh polisi anda

Apabila polisi anda matang, Nilai Akaun Polisi Asas ditolak sebarang hutang (jika ada), akan dibayar kepada anda sebagai manfaat matang.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Pendaftaran mudah tanpa pengunderaitan perubatan

Tiada soalan berkenaan kesihatan serta pemeriksaan perubatan diperlukan, pendaftaran bagi pelan ini adalah cukup mudah.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Ciri Jaminan Tidak Luput sebagai jaringan keselamatan


Max Step-Up disertakan dengan ciri Jaminan Tidak Luput untuk melindungi polisi anda daripada prestasi pelaburan yang sebaliknya. Ciri ini adalah bernilai kerana ia memastikan polisi anda terus berkuat kuasa walaupun Nilai Akaun Polisi Asas anda menjadi sifar, dengan syarat semua premium telah dibayar sehingga terkini dan tiada faedah bagi premium lampau tempoh ke atas polisi anda.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Bagaimanakah Max Step-Up boleh membantu membina warisan untuk orang tersayang anda?



Encik Lim, berumur 40 tahun, tidak merokok, mempunyai 2 orang anak, ingin meninggalkan sejumlah dana untuk anak-anaknya. Beliau memilih Max Step-Up dengan Premium Tahunan sebanyak RM20,000 bagi menyediakan warisan untuk orang tersayang.



Beliau juga mempunyai fleksibiliti untuk menggunakan BPAV yang dikumpulkan jika keutamaannya berubah.



Rumah



Perbelanjaan Keluarga



Pendidikan Anak-anak



Percutian



Warian

Nota:

- *Ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan unjuran pulangan adalah tidak dijamin. Ia mengandaikan bahawa unjuran pulangan pelaburan adalah berdasarkan senario tinggi iaitu 5.00% setahun bagi setiap tahun.*
- *Manfaat Kematian Dijamin (GDB) bagi kematian akibat kemalangan bagi dua tahun pertama polisi bersamaan dengan 105% daripada Premium Asas keseluruhan yang telah dibayar (TPP).*
- *Manfaat Kematian = GDB atau Nilai Akaun Polisi Asas (BPAV), mana yang lebih tinggi, ditolak sebarang hutang (jika ada).*
- *Tertakluk pada terma dan syarat.*

Soalan lazim

S: Siapakah yang boleh memohon?

J: Umur kemasukan minimum ialah 17 tahun hari jadi berikut dan umur kemasukan maksimum ialah 65 tahun hari jadi berikut.

S: Berapakah Premium Tahunan Asas minimum dan maksimum untuk pelan ini?

	Premium Tahunan Asas
Minimum	RM8,000
Maksimum	Sehingga RM300,000 bagi setiap hayat

S: Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran?

J: Anda boleh membayar menggunakan kad kredit, arahan bank, debit terus atau tunai. Anda mempunyai fleksibiliti untuk membayar premium secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan, atau bulanan, bergantung pada kelulusan daripada Syarikat.

S: Bagaimanakah premium saya diperuntukkan?

J: Peratusan daripada premium akan diperuntukkan ke dalam Akaun Polisi Asas. Peruntukan premium ke dalam Akaun Polisi Asas seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Tahun Polisi	% daripada Premium Asas yang telah dibayar
Pertama	65%
ke-2	80%
ke-3	90%
ke-4	93%
ke-5	93%

S: Apakah komisen yang dibayar?

J: Ilustrasi di bawah mengandaikan hayat yang diasuranskan adalah seorang lelaki berumur 40 tahun hari jadi berikut dengan Premium Tahunan Asas sebanyak RM10,000.

Tahun Polisi	Komisen yang ditanggung pemilik polisi dan dibayar daripada premium setiap tahun	
	Perkadaran penolakan premium bagi komisen (%)	Amaun sebenar (RM)
Pertama	7.50%	750
ke-2	8.75%	875
ke-3	6.75%	675
ke-4	1.00%	100
ke-5	1.00%	100
ke-6 dan ke atas	-	-

Angka ini juga termasuk amaun yang mungkin berhak diterima OCBC Bank bagi tempoh polisi anda, dengan syarat OCBC Bank memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan Syarikat.

S: Apakah pengecualian bagi pelan ini?

- J: Polisi ini tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah keadaan berikut:
- Kematian semasa tahun pertama polisi dari tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula polisi, mana yang kemudian, akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras;
 - TPD akibat kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras;
 - TPD yang sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko polisi, atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.

Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk huraian penuh dalam dokumen polisi.

S: Berapakah yuran dan caj semasa?

J: Terdapat lima (5) jenis caj bagi polisi ini, seperti berikut:

Caj Insurans

Caj insurans akan ditolak secara bulanan daripada Akaun Polisi Asas. Caj adalah berbeza mengikut umur hari jadi berikut yang dicapai, jantina dan status merokok, mana yang berkenaan; dan akan meningkat apabila umur anda meningkat.

Yuran Polisi

Pada permulaan setiap bulan polisi, Syarikat akan menolak yuran polisi bulanan sebanyak RM7.00 daripada Akaun Polisi Asas.

Caj Serahan

Caj serahan akan dikenakan sekiranya anda memilih untuk membuat serahan polisi dalam tempoh sepuluh (10) tahun pertama polisi. Caj serahan hanya akan dikenakan jika anda membuat serahan polisi atau mengurangkan Premium Asas, iaitu serahan sebahagian. Caj serahan akan dikenakan ke atas amaun yang diserahkan daripada Akaun Polisi Asas selepas ditolak sebarang hutang bagi yuran polisi dan caj insurans kepada Syarikat.

Tahun Polisi	Caj Serahan (% daripada amaun yang diserahkan Nilai Akaun Polisi Asas)
Pertama	10%
ke-2	9%
ke-3	8%
ke-4	7%
ke-5	6%
ke-6	5%
ke-7	4%
ke-8	3%
ke-9	2%
ke-10	1%
ke-11 dan selanjutnya	0%

Caj Pengurusan Dana

Caj Pengurusan Dana ialah 0.5% setahun. Caj ini akan ditolak secara bulanan daripada pulangan pelaburan sebelum pulangan kredit dikreditkan pada Akaun Polisi Asas, bagi menanggung kos menguruskan pelaburan aset.

Caj Tambahan

Caj tambahan untuk ditolak secara bulanan daripada pulangan pelaburan sebelum pulangan kredit dikreditkan pada Akaun Polisi Asas, bagi menanggung kos menyediakan sesetengah manfaat dijamin di bawah polisi ini.

Caj Tambahan (setahun) seperti ditunjukkan di bawah:

Tahun Polisi	Caj Tambahan (Setahun)
Pertama hingga ke-20	0.5%
ke-21 dan selanjutnya	0.0%

Nota: Yuran dan caj yang dikenakan mungkin berubah dari semasa ke semasa.

S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

- J: Manfaat yang diterima daripada Max Step-Up tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967 dan keputusan akhir Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Notis penting

Max Step-Up ialah pelan universal life seumur hidup dengan bayaran terhad tanpa penyertaan dalam keuntungan berserta perlindungan sehingga umur 100 tahun hari jadi berikut. **Pelan ini merupakan produk insurans dengan berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.** Premium hendaklah dibayar sehingga akhir tempoh pembayaran premium atau sehingga hayat yang diasuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Total dan Kekal atau penamatian polisi, mana yang berlaku dahulu. Premium adalah kekal sama sepanjang tempoh pembayaran premium. Namun, yuran dan caj adalah tidak dijamin dan Syarikat mungkin menyemak semula yuran dan caj pada ulang tahun polisi dengan memberi notis 3 bulan terlebih dahulu.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika polisi dipulangkan kepada Syarikat dalam tempoh ini, Syarikat akan membayar balik suatu amaun yang bersamaan dengan:

- a. Nilai Akaun Polisi Asas; dan
- b. sebarang amaun premium yang tidak diperuntukkan pada Akaun Polisi Asas; dan
- c. penolakan caj insurans dan yuran polisi.

Jika anda menyerahkan polisi anda lebih awal, anda mungkin mendapat kurang daripada amaun yang anda telah bayar. Polisi akan kekal berkuat kuasa walaupun anda tidak membayar premium selepas tempoh tenggang selama 30 hari sekiranya terdapat nilai yang mencukupi dalam Akaun Polisi Asas untuk membayar caj insurans dan yuran polisi. Sebarang premium yang dibayar selepas premium perlu dibayar tamat tempoh, adalah tidak layak menerima pulangan kredit yang telah ditentukan sebelum bayaran tersebut dilakukan. Sebarang premium yang dibayar selepas tempoh tenggang akan dikenakan faedah bagi premium lampau

tempoh pada kadar yang akan ditentukan Syarikat dari semasa ke semasa. Kadar faedah semasa boleh didapati melalui laman sesawang rasmi Syarikat. Faedah akan dikenakan daripada tarikh premium perlu dibayar dan tidak akan diperuntukkan pada Akaun Polisi Asas. Polisi mungkin luput jika anda gagal membayar premium dan caj yang diperlukan melebihi nilai dalam Akaun Polisi Asas.

Pulangan kredit diperoleh berdasarkan pulangan pelaburan dana universal life. Kadar kredit sebenar adalah tidak dijamin dan akan turun naik berdasarkan prestasi pelaburan dana universal life. Pulangan yang lebih tinggi mungkin dikreditkan jika prestasi pelaburan adalah baik, dan sebaliknya pulangan yang lebih rendah atau negatif mungkin dikreditkan jika prestasi pelaburan adalah buruk. Kadar kredit negatif akan menyebabkan pengurangan Nilai Akaun Polisi Asas.

Sebarang amaun premium yang tidak diperuntukkan pada Akaun Polisi Asas akan digunakan untuk membayar komisen kepada OCBC Bank dan perbelanjaan am Syarikat.

Jika anda menukar polisi insurans anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan polisi lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki untuk menghantar borang cadangan yang mana penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang akan dikenakan semasa penukaran atau penggantian polisi.

Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kakitangan jualan OCBC Bank untuk Ilustrasi Jualan, Risalah Pemberitahuan Produk, Lembaran Fakta Dana dan contoh kontrak polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Syarikat.

Penafian

- Max Step-Up ialah pelan insurans hayat yang ditaja jamin oleh Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982/93745-A) dan OCBC Bank (Malaysia) Berhad (199401009721/295400-W) hanyalah pengedar produk ini.
- Risalah ini mengandungi maklumat am sahaja dan bukanlah satu kontrak insurans.
- Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas mungkin tidak menyeluruh. Terma dan syarat serta takrif tepat bagi pelan insurans ini dinyatakan dalam kontrak polisi.
- Produk insurans ini bukan suatu deposit bank dan bukan suatu kewajipan atau dijamin atau diinsuranskan oleh OCBC Bank. Produk insurans ini merupakan kewajipan syarikat insurans iaitu Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.
- Semua pertanyaan berkenaan tuntutan dan liabiliti yang timbul daripada polisi hendaklah dibuat kepada Syarikat. OCBC Bank menafikan liabiliti terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang timbul atas apa jua yang berkaitan dengan produk insurans ini.
- Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982/93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

**Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad
(198201013982 / 93745-A)**

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

↳ 03-4259 8888

✉ 03-4259 8000

✉ bancadmin@greateasternlife.com

↗ www.greateasternlife.com

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Customer Service Careline di 1300-1300 88.